

18/06/1999

Acara kemuncak Jubli Emas UM 8 Oktober

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan syarahan perdana sempena sambutan ulang tahun ke-50 Universiti Malaya (UM) pada 8 Oktober ini.

Syarahan itu yang bertajuk 'Ilmu Membina Bangsa' menjadi acara kemuncak sambutan Jubli Emas universiti berkenaan dan akan disampaikan di majlis Syarahan Perdana Alumnus Kedua di Dewan Tunku Canselor UM.

Pengurus Besar (Pentadbiran) UM, Yaacob Hussin, berkata syarahan perdana itu adalah antara acara menarik yang disusun serta dianjurkan sejak April lalu sempena sambutan perayaan Jubli Emas tahun ini.

Menurutnya, antara aktiviti yang sudah berlangsung ialah pertandingan mencipta logo perayaan Jubli Emas serta lagu UM pada April lalu, diikuti upacara pentauliahkan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Minggu Haluan Siswa Sesi 1999/2000 pada bulan lalu.

Pada bulan ini pula, katanya, UM akan menganjurkan Minggu Haluan Siswa Pelajar Pusat Asasi Sains untuk sesi 1999/2000 selama empat hari mulai 16 Jun ini.

Bulan depan UM akan mengadakan Konvokesyen Pertama pada 30 Julai sehingga 1 Ogos, Makan Malam Konvokesyen 1999 serta Ekspo Konvokesyen 1999; Pesta Hoki (Ogos); Konvokesyen Kedua, Festival Seni 1999 serta Malam Bakat Alumni 1999 (September); Syarahan Perdana Alumnus Kedua serta Pameran Sejarah Penubuhan UM (Oktober) dan Hari Keluarga UM (November).

Beliau berkata, sambutan Jubli Emas diadakan mulai April sesuai dengan tarikh percantuman Kolej Perubatan King Edward VII dan Kolej Raffles pada April 1949 untuk membentuk universiti berkenaan. UM ditubuhkan secara rasmi di Singapura pada 8 Oktober 1949.

Berdasarkan rentetan sejarah, perkembangan UM di Singapura berlaku dengan pesat sehingga membawa kepada penubuhan dua kampus autonomi pada 1959, iaitu sebuah di Kuala Lumpur dan sebuah lagi di Singapura.

Pada 1 Januari 1962, kampus di Kuala Lumpur diiktiraf sebagai sebuah universiti kebangsaan dengan nama 'Universiti Malaya' melalui Akta Universiti Malaya Nombor 44 1961.

Sejajar dengan kedudukannya sebagai universiti tertua di negara ini dan sasaran untuk menjadi IPT perdana, perayaan Jubli Emas tahun ini bertemakan 'UM Tradisi Kecemerlangan'.

Sejak ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 1962, sehingga tahun ini UM melahirkan 73,401 graduan ijazah pertama dan kebanyakan mereka kini menjadi tokoh berpengaruh serta berjaya dalam profesion masing-masing.

Antaranya ialah Abdullah; bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; bekas Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-51 dan Wakil Tetap Malaysia Ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail; bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohammed Haniff Omar dan Tan Sri Abdul Rahim Noor, di samping barisan Ketua Setiausaha Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, pula adalah graduan UM di Singapura.

(END)